

# Kerajaan Pahang komited pulihkan Tasik Chini

[Roselan Ab Malek](#) - Jun 15, 2021 @ 11:10am

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



TASIK Chini.

TEMERLOH: Kerajaan negeri komited memulihkan Tasik Chini bagi memastikan kelestarian alam sekitar tasik itu terus terpelihara.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, Perladangan dan Komoditi negeri, Datuk Seri Mohd Sharkar Shamsudin, berkata tiada kelulusan baharu diberikan untuk melombong di kawasan itu.

Katanya, pada 13 Mac 2019, kerajaan negeri bersetuju mewartakan Taman Negeri Tasik Chini seluas 4,600 hektar sebagai Hutan Simpan Chini bagi memastikan kawasan hutan itu dipelihara dan diuruskan dengan baik selari dengan Dasar Perhutanan Negara.

"Tidak dinafikan masih terdapat kegiatan perlombongan di situ, namun ia bukan baharu seperti ditularkan dan kawasan lombong sedia ada tidak termasuk dalam Hutan Simpanan Kekal.

"Operasi perlombongan di sini dikenakan syarat tambahan ketat bagi memastikan tiada pencemaran daripada aktiviti berkenaan.

"Laporan EIA juga perlu disediakan oleh pihak berkenaan," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Mohd Sharkar berkata, kebenaran itu bukan mudah dan perlu melalui pelbagai proses membabitkan tindakan pihak berkuasa negeri dan agensi Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA).

Katanya, kuasa kerajaan negeri dalam perkara itu berdasarkan Enakmen Mineral Negeri Pahang 2001 manakala kuasa Kerajaan Persekutuan mengikut Akta Pembangunan Mineral 1994 (Akta 525) menerusi skop kebenaran pengoperasian sesuatu aktiviti perlombongan.

"Ia bermaksud, kegiatan melombong di sesuatu kawasan tidak akan mendapat kelulusan jika tidak membabitkan kerajaan negeri dan Persekutuan.

"Pelbagai aspek diambil kira, terutama alam sekitar supaya tiada pencemaran daripada kegiatan itu," katanya.

Mohd Sharkar berkata, kerajaan negeri komited melaksanakan aspek pemulihan dan pemuliharaan Tasik Chini yang diisytiharkan sebagai tapak rizab Biosfera oleh Pertubuhan Pendidikan Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada 2009.

Katanya, pada 2019, kerajaan negeri meluluskan peruntukan Projek Tanam Semula berjumlah RM250,000 bagi menanam semula pokok tutup bumi di bekas lombong.

"Kawasan lombong ini akan dipulihkan selepas operasinya tamat," katanya.

Beliau berkata, pada 9 Jun 2021, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pahang mengesahkan kualiti air Tasik Chini sehingga kini dikategorikan bersih.

Katanya, dapatan ini berdasarkan pemantauan bermula 2005, sejak Tasik Chini dianugerahkan status Rizab Biosfera oleh UNESCO pada Mei 2009 di bawah program Manusia dan Biosfera yang dikoordinasi oleh KeTSA.

"Terdapat 15 stesen pemantauan kualiti air Tasik Chini di lokasi yang ditetapkan, dengan kekerapan pemantauan sekali sebulan di setiap stesen.

"Parameter utama yang diukur ialah Keperluan Oksigen Biokimia (BOD), Pepejal Terampai (SS), Nitrogen Amonia (AN) dan Besi (Fe)," katanya.

Beliau berkata, secara umumnya data kualiti air bagi 2020 dan 2021 (sehingga Mac) menunjukkan kualiti air Tasik Chini dalam kategori bersih.